

**ARAHAN PESURUHJAYA TANAH DAN GALIAN TERENGGANU.  
BILANGAN 6/1977.**

---

Pemungut Hasil Tanah, Kuala Terengganu.  
 Pemungut Hasil Tanah, Besut.  
 Pemungut Hasil Tanah, Kemaman.  
 Pemungut Hasil Tanah, Dungun.  
 Pemungut Hasil Tanah, Hulu Terengganu.  
 Pemungut Hasil Tanah, Marang.

Tuan,

**BAYARAN HASIL SECARA BERANSUR.**

Majlis Mesyuarat Kerajaan yang bersidang pada 7hb. Disember, 1977 telah membuat keputusan supaya melaksanakan pembayaran hasil secara beransur dengan cara menggunakan 'Kira-kira Amanah' (Deposit Account).

2. Mulai 1hb. Januari, 1978 semua Pemungut Hasil Tanah dalam negeri ini hendaklah melaksanakan bayaran hasil secara beransur yang diterima dari mana-mana tuan tanah. Bayaran hasil secara beransur ini hendaklah dilaksanakan dengan cara menggunakan 'Kira-kira Amanah' (Deposit Account). Sehingga cukup jumlah wang yang diamanahkan oleh tuan-tuan tanah berkenaan, maka baharulah dipindahkan dengan Transfer Order' untuk dijadikan bayaran hasil termasuk sekali denda-denda yang ada.
3. Sekiranya tuan menghadapi sebarang masalah dalam melaksanakan arahan ini, maka masalah tersebut hendaklah dikemukakan ke Pejabat ini untuk diangkat kepada Pihak Berkuasa Negeri.

t.t.  
 ( DATO' LELA JASA )  
 Pengarah Tanah dan Galian,  
 Terengganu.

Bil. (26)dlm. PTG. TR. 13/66/1 (SEM)

s.k.  
 Y.B. Setiausaha Kerajaan,  
 Terengganu.

Y.B. Pegawai Kewangan Negeri, Terengganu.  
 Bendahari Negeri, Terengganu.  
 Ketua Cawangan Odit Negeri,  
 Terengganu.

Kuala Terengganu, 13hb. Disember, 1977.